PERSATUAN LINGUISTIK MALAYSIA
Bahasa Sendi Tamadun Bangsa

www.plm.org.my

JURNAL LINGUISTIK Vol. 27 (1) Mei 2023 (111-128)

Pengimbuhan Kata Bahasa Semai: Satu Penelitian Rintis

[1]Mohamad Nik Mat Pelet, [2]Mutiara Megat, [3]Nurul Nadia Samud,
[4]Juliana Damsik & [5]Norita Harijaman
[1]nikmat@uitm.edu.my , [2]mutiara.megat@moe.gov.my, [3]nurulnadia2555@uitm.edu.my,
[4]julianad@uitm.edu.my, [5]noritaharijaman@uitm.edu.my

[1,3,4,5]Akademi Pengajian Bahasa, UiTM, Shah Alam, Selangor
[2]Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia

Tarikh terima : 30 Mac 2023
Received
Terima untuk diterbitkan : 5 Mei 2023
Accepted
Tarikh terbit dalam talian : 30 Mei 2023
Published online

Abstrak

Masyarakat Orang Asli merupakan sebahagian daripada warganegara Malaysia yang dikatakan penduduk asal atau terawal membuka penempatan di Malaysia (Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli, 2020). Sejarah perkembangan Orang Asli yang semakin pesat dan berdaya saing termasuk dalam pendidikan dan menyumbang kepada pembangunan negara (Harishon Radzi et al., 2011) telah membuka lembaran baharu kepada masyarakat tersebut termasuklah penawaran mata pelajaran Bahasa Semai di sekolah. Pelaksanaan secara berperingkat bagi mata pelajaran Bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah merupakan pengiktirafan kepada seluruh masyarakat Orang Asli di Malaysia. Pemilihan bahasa Semai sebagai salah satu mata pelajaran di sekolah juga adalah mengambil kira majoriti suku kaum Semai dalam kelompok masyarakat Orang Asli (Riduan Makhtar et al., 2019). Walau bagaimanapun, penelitian awal mendapati sistem pengimbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah dan menengah tidak selaras. Keadaan ini akan menyebabkan pembentukan pemahaman murid terjejas dan menyimpang. Kajian rintis dengan menggunakan kaedah kepustakaan melalui analisis dokumen ini bertujuan untuk mengenal pasti jenis-jenis imbuhan yang digunakan dalam sistem imbuhan mata pelajaran Bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah di samping, menganalisis jenis-jenis sistem imbuhan yang digunakan. Kajian berteraskan Teori Morfologi Leksikal ini mendapati sistem imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah bukan sahaja tidak selaras malah, ia juga didapati bercanggah dengan sistem bahasa Semai termasuklah rumpun bahasanya iaitu rumpun bahasa Austroasia. Lantaran itu, pemerkasaan terhadap bahasa Semai wajar dilakukan agar mata pelajaran Bahasa Semai diajar berlandaskan ilmu yang benar tanpa menyimpang daripada maksud sebenarnya.

Kata kunci : Orang Asli, Bahasa Semai, sistem imbuhan, Teori Morfologi Leksikal, Austroasia

Affixation in Semai Language: A Pilot Study

Abstract

The Orang Asli community is part of Malaysian citizens who are said to be the original or earliest settlers in Malaysia (Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli, 2020). The history of Orang Asli development which is increasingly rapid and competitive including in education and contributing to the development of the country (Harishon Radzi et al., 2011) has opened a new chapter for the community including the offering of the Semai Language (Bahasa Semai) subject in schools. The implementation phase of the Semai Language subject in primary and secondary schools is a recognition to the entire Orang Asli community in Malaysia. The selection of the Semai language as

one of the subjects in school also takes into account the majority of the Semai tribe in the Orang Asli community group (Riduan Makhtar et al., 2019). However, preliminary research found that the affix system used in the Semai Textbook for primary and secondary schools is inconsistent. This situation will cause students' understanding to be affected and deviated. A pilot study using bibliographic methods through the analysis of this document aims to identify the types of affixes used in the affix system of the Semai Language subject in primary and secondary schools in addition to analyzing the types of affix system used. This study which is based on the Theory of Lexical Morphology found that the affix system used in the Semai Language Textbooks in primary and secondary schools is not only inconsistent, but also found to be in contradiction with the Semai Language system including its language group which is the Austro-Asian language group. Therefore, the empowerment of the Semai Language should be done so the teaching of this language will be following the right path without deviating from its original meaning.

Keywords: Indigenous people, Semai language, affixation system, Lexical Morphological Theory, Austroasia

---

1. Pengenalan

Pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Semai mula dilaksanakan secara berperingkat sejak tahun 2012 bermula di peringkat sekolah-sekolah rendah tertentu. Antara negeri yang terlibat menawarkan mata pelajaran Bahasa Semai adalah di negeri Pahang dan Perak. Bilangan masyarakat Orang Asli suku kaum Semai yang ramai di kedua-dua negeri tersebut (Haliza Abdul Rahman, 2018) menjadi salah satu faktor mata pelajaran berkenaan ditawarkan di beberapa buah sekolah murid Orang Asli. Perkembangan mata pelajaran Bahasa Semai semakin memberangsangkan apabila kesinambungan penawaran mata pelajaran tersebut telah diperluas ke peringkat sekolah menengah pada tahun 2017 dan mula melahirkan kumpulan pertama yang mengambil mata pelajaran tersebut dalam Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) pada tahun 2021. Bahasa Semai telah diangkat menjadi salah satu mata pelajaran elektif di sekolah dengan mengambil kira keperluan dan kepentingan masyarakat Orang Asli untuk memelihara bahasa ibunda mereka (Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli, 2020) sebagaimana bahasa Iban di Sarawak yang turut ditawarkan sebagai bahasa elektif di sekolah.

Semakan kurikulum mata pelajaran Bahasa Semai juga telah dilaksanakan oleh pihak bertanggungjawab iaitu Bahagian Pembangunan Kurikulum (BPK) di Kementerian Pendidikan Malaysia. Pemilihan pasukan penggubal kurikulum ini dibuat berdasarkan beberapa kriteria yang telah ditetapkan oleh pihak BPK. Antara kriteria menjadi panel penyediaan kurikulum mata pelajaran Bahasa Semai ialah guru-guru dalam kalangan masyarakat Orang Asli dan guru-guru yang telah lama berkhidmat dan mengajar di sekolah-sekolah murid Orang Asli. Kriteria tersebut bukan sahaja mengambil kira kepakaran mereka tentang sistem bahasa masyarakat Orang Asli malah pengalaman dan pengetahuan semasa mereka, terutama ketika bertugas di sekolah-sekolah masyarakat Orang Asli. Dalam erti lain, elemen-elemen tersebut menjadi tunjang kepada kualiti nilai bagi panel-panel yang dilantik dalam menggubal kurikulum mata pelajaran Bahasa Semai. Menurut Rohana et al. (2017), penggubal perlulah dalam kalangan pakar bidang bagi memastikan kualiti pembinaan item diyakini serta dominan agar dapat menghasilkan kurikulum berkualiti dan releven dengan khalayak.

Setelah hampir sedekad mata pelajaran Bahasa Semai ditawarkan di sekolah-sekolah Kementerian Pendidikan Malaysia, akhirnya keberadaan dan kewujudan masyarakat Orang Asli semakin disedari oleh pelbagai pihak. Malah, penglibatan masyarakat Orang Asli dalam pembentangan Amalan Terbaik anjuran KPM saban tahun mula menunjukkan perkembangan positif dengan kejayaan yang seiring dengan masyarakat pribumi lain. Dalam pada itu, kajian berkaitan perkembangan pendidikan masyarakat Orang Asli juga telah mula menunjukkan trend yang memberangsangkan apabila semakin banyak kajian dilakukan untuk membuktikan kejayaan pendidikan dalam kalangan masyarakat Orang Asli (Mohd Muizzudin et al., 2018). Oleh yang demikian, penawaran mata pelajaran Bahasa Semai wajar dikekalkan malah, perlu diperluas ke sekolah-sekolah lain supaya identiti masyarakat Orang Asli tidak tenggelam dalam arus pembangunan dan pemodenan negara. Justeru, penyemakan berkala bagi kurikulum mata pelajaran Bahasa Semai adalah penting agar kekal releven serta tidak bercanggah dengan asas pembentukan sistem bahasa bagi mata pelajaran Bahasa Semai tidak tersasar daripada garis panduan pembentukan perkataan sesuatu bahasa.

1.1 Penyataan Masalah

Pembelajaran yang sistematik bukan sahaja melibatkan elemen pelaksana di sekolah malah ia juga berkait rapat dengan inti pati atau kandungan kurikulum yang disampaikan di sekolah. Kurikulum perlu dibina dengan teratur dan berkualiti bagi memastikan dapat melahirkan hasil pembelajaran yang baik terutama kepada pelajar. Oleh yang demikian, pihak bertanggungjawab seperti KPM membawa peranan yang penting dalam memastikan setiap kemahiran atau topik yang diajar perlulah selaras dan tepat dengan sesuatu hukum bahasa yang digunakan. Sistem bahasa memainkan peranan penting terutamanya dalam proses mempelajari sesuatu bahasa. Begitu juga halnya dengan pelaksanaan Bahasa Semai di sekolah. KPM sewajarnya memastikan kemahiran, topik atau inti pati pembelajaran bahasa tersebut digubal dengan merujuk sumber yang betul. Tujuannya adalah untuk memastikan pelajar dapat membangunkan kemahiran, meningkatkan pemahaman dan sekali gus mengamalkan ilmu yang diperoleh. Menurut Hanifah Mahat et al. (2016) penyesuaian penambahbaikan dalam sistem pendidikan merupakan langkah untuk menghasilkan modal insan yang berkeupayaan, berpengetahuan, berkemahiran di samping peribadi yang holistik.

Selain itu, setiap bahasa mempunyai ciri-ciri tertentu bagi membezakan identiti penutur jati sesuatu bahasa. Namun begitu, sistem bahasa yang formal tidak hanya bergantung kepada sistem bahasa tersebut semata-mata malah, ia perlulah selari dengan rumpun bahasa utama. Hal ini sejajar dengan kajian yang menumpukan terhadap pengimbuhan dalam mata pelajaran Bahasa Semai yang serumpun dengan rumpun bahasa Austroasia sebagai asas kepada pembentukan sistem bahasa standard dalam mata pelajaran Bahasa Semai. Pengimbuhan yang tidak selaras antara mata pelajaran Bahasa Semai di sekolah rendah dan sekolah menengah juga menunjukkan percanggahan ilmu yang disampaikan kepada murid. Situasi ini akan merumitkan lagi pemahaman dan pengetahuan murid jika kandungan, topik atau kemahiran yang diajar kepada mereka tidak konsisten dan berubah-ubah. Menurut Wong Shia Ho dan Yee Swee King (2018) percanggahan maklumat tentang sesuatu bahasa akan menyebabkan kesilapan pemahaman yang diperoleh pelajar sepanjang hidup mereka malah, apabila mereka mula menyedari kesilapan konsep tentang sesuatu bahasa akan menyebabkan perdebatan pendapat yang tidak berkesudahan. Oleh itu, pentingnya kandungan kurikulum yang disampaikan kepada pelajar ditekuni, dinilai dan membuat rujukan silang agar tidak mengajar ilmu yang kurang tepat kepada mereka.

Panel pengubal kurikulum juga memainkan peranan penting ketika proses penggubalan kemahiran yang ingin diterapkan dalam sesuatu mata pelajaran. Ilmu dan pengalaman yang terdapat pada diri para penggubal perlu diselaraskan dengan cabang utama sesuatu bidang yang dibuat. Rujukan yang dibuat ketika menggubal kurikulum juga perlulah teratur, tepat dan diyakini agar tidak berlaku sebarang bentuk percanggahan ketika menentukan bentuk kemahiran yang perlu digunakan dalam sesuatu kurikulum. Walaupun Abdul Hamid dan Jessica Ong (2020) menjelaskan tentang dapatan Teori Corder 1981 yang mengatakan bahawa proses pengajaran dan pembelajaran bahasa tidak dapat lari daripada melakukan kesalahan dan kesilapan secara sengaja atau tidak. Dalam erti lain, ketika proses menetapkan sesuatu kemahiran yakni pengimbuhan yang digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Semai, semua panel penggubal perlu merujuk sumber asal rumpun bahasa tersebut dan tidak hanya bergantung semata-mata kepada pengetahuan asas mereka sebagaimana dalam pertuturan harian mereka dalam konteks yang tidak formal. Kualiti sesuatu kurikulum yang digubal perlulah menepati beberapa aspek seperti latar belakang murid, pengetahuan sedia ada, aspek teknologi termasuklah aspek bahasa. Semua elemen tersebut tidak hanya dibuat sekadar sambil lewa malah memerlukan etika dan pewajaran yang sesuai dengan tidak menyimpang daripada dasar utama sesuatu bidang yang digubal. Dalam erti lain, pengimbuhan yang tidak selaras dalam mata pelajaran Bahasa Semai sekolah rendah dan menengah menunjukkan berlakunya percanggahan dari segi proses perbincangan, pengesahan dan penentusahan sistem imbuhan yang digunakan. Justeru kajian rintis yang dijalankan ini dapat memberi sedikit maklumat kepada pihak bertanggungjawab untuk menentukan proses seterusnya dalam memastikan mata pelajaran Bahasa Semai dapat diajar dengan ilmu yang tepat dan berkualiti.


1.2 Objektif Kajian

Kajian yang dijalankan ini bertujuan membuat tinjauan secara rintis untuk mengenal pasti dua perkara utama yang difokuskan berkaitan dengan sistem imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah dan menengah. Secara khususnya, kajian ini bertujuan untuk:

i. mengenal pasti imbuhan yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah dan menengah.
ii. menganalisis jenis-jenis sistem imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah dan menengah.

2 Kosa Ilmu

Setiap masyarakat tumbuh dan berkembang mengikut peredaran masa. Begitu juga halnya dengan bahasa yang dimiliki oleh sesebuah bangsa, ia akan berkembang selari dengan rumpun yang mendasari sesuatu bahasa. Perkembangan bahasa pada asasnya didasari dengan beberapa rumpun atau keluarga bahasa yang telah wujud sejak 5000 tahun lalu (Mohd Khaidir, 2022). Tambah beliau lagi, salasilah bahasa mempunyai peringkat perkembangan bahasa tertentu sebagai subkeluarga bahasa yang berlainan tempoh masanya namun, mempunyai ciri-ciri yang sama antara kelompok bahasa dalam subkeluarga atau rumpun tersebut. Pengelompokan bahasa Austroasia dapat dilihat dengan jelas dalam rajah 1.



Rajah 1: Rumpun Bahasa
(Sumber: Peiros Ilia (1998))

Bahasa masyarakat Orang Asli tergolong dalam rumpun bahasa Austroasia. Rumpun bahasa Austrosia terbahagi kepada dua cabang iaitu rumpun bahasa Mon-Khmer dan Munda. Terdapat empat

bahasa yang mendasari rumpun bahasa tersebut iaitu bahasa Khmer yang popular dalam kalangan masyarakat Kemboja dan Vietnam manakala bahasa Khmu dipertuturkan oleh masyarakat di Utara Laos. Bahasa Mon pula diguna pakai oleh sekumpulan kecil masyarakat Myanmar di sempadan Thailand dan bahasa Asli digunakan secara meluas dalam kalangan suku kaum Negrito dan Senoi. Berdasarkan rajah 1, dapat dijelaskan bahawa cabang bahasa Semai adalah berbeza dengan cabang bahasa Melayu kerana bahasa Melayu tidak serumpun dengan bahasa Semai di bawah cabang rumpun bahasa Austroasia. Oleh yang demikian sistem pengimbuhan dalam bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah tidak dapat dibandingkan secara langsung dengan bahasa Melayu kerana kedua-dua bahasa tersebut terdiri daripada susur galur yang berbeza namun, proses pengimbuhan perlu melalui proses yang teratur seperti pengimbuhan dalam bahasa Melayu.

Masyarakat Orang Asli tergolong dalam tiga rumpun utama yang terdiri daripada enam suku kaum bagi setiap rumpun. Jadual 1 menunjukkan susur galur masyarakat Orang Asli di Malaysia yang terdiri daripada 18 suku kaum. Setiap suku kaum tersebut mempunyai bahasa yang tersendiri malah setiap daripadanya mendiami kawasan yang berbeza tetapi mempunyai gaya hidup dan amalan yang hampir sama (Mohamad Johdi & Abdul Razak, 2009).

Jadual 1: Susur galur masyarakat Orang Asli di semenanjung Malaysia

SENOI	MELAYU-PROTO	NEGRITO
Semai	Jakun	Bateq
Temiar	Kanaq	Kensiu
Jah Hut	Semelai	Kintak
Mah Meri	Temuan	Jahai
Che' Wong	Orang Kuala	Lanih
Semaq Beri	Orang Seletar	Mendriq

Sumber : JAKOA (2012)

Suku kaum Senoi tidak menggunakan satu bahasa khusus namun kelompok suku kaum tersebut menggunakan pelbagai jenis bahasa di bawah rumpun bahasa Austroasia sebagaimana yang dipaparkan pada rajah 1. Bahasa-bahasa yang digunakan oleh suku kaum Senoi dikatakan subkeluarga kepada bahasa Mon-Khmer yang kebanyakan dipertuturkan oleh masyarakat Kemboja, Laos, Myanmar, Thailand dan Vietnam termasuklah kepulauan Nicobar di India. Bahasa Semai merupakan bahasa Senoi terbesar yang melibatkan lebih kurang 40 dialek yang berbeza mengikut populasi suku kaum tersebut. Walaupun dalam rumpun bahasa yang sama, namun kesemua dialek tersebut agak sukar difahami antara satu sama lain dalam suku kaum Senoi. Dua dialek utama yang lebih dikenali dalam kelompok bahasa Semai ialah dialek Barat-Hilir dan dialek Timur-Hulu. Keadaan ini menyebabkan sukar untuk memelihara bahasa Semai memandangkan terdapat 40 dialek yang berlainan dan masing-masing tidak difahami dengan baik walaupun daripada rumpun yang sama iaitu Senoi.

Justeru, latar belakang masyarakat Orang Asli yang agak besar dan mencabar menyebabkan sukar untuk menentukan sistem bahasa yang dapat mewakili semua suku kaum Orang Asli di Malaysia. Walaupun begitu, populasi masyarakat Semai yang lebih dominan menjadikan bahasa tersebut dijadikan sebagai mata pelajaran di sekolah bagi memastikan usaha mengekalkan identiti dan masyarakat Orang Asli tidak ditelan zaman dan kekal menjadi lambang dan identiti masyarakat tersebut di Malaysia. Sistem bahasa merupakan lambang kepada setiap bahasa dan aspek penting dalam sesuatu bahasa. Hal ini penting bagi membezakan antara satu bahasa dengan bahasa yang lain. Namun, terdapat juga beberapa ciri persamaan sistem bahasa antara satu bahasa dengan bahasa yang lain terutama bahasa daripada rumpun yang sama seperti rumpun Austroasia dan rumpun Austronesia.

3. Metodologi

Proses penyelidikan memainkan peranan penting dalam sesuatu kajian kerana setiap pemilihan kaedah kajan memberi impak yang berbeza kepada pengkaji dan dapatan data. Menurut Bryman (2008), reka bentuk kajian merupakan kerangka yang mendasari sesebuah kajian bagi tujuan mengutip dan

menganalisis data manakala Creswell (2009) mengatakan reka bentuk kajian adalah rancangan, cadangan dan saranan bagi menjalankan sesuatu kajian yang berteraskan falsafah kajian, strategi penyelidikan dan metod yang digunakan dalam sesuatu kajian. Oleh itu, kajian kualitatif melalui kaedah analisis dokumen digunakan pengkaji dalam melaksanakan penelitian rintis berkaitan sistem imbuhan yang digunakan dalam mata pelajarn Bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah sebagaimana pendapat Bowen (2009), analisis dokumen adalah prosedur sistematik untuk menyemak (semak) atau menilai (nilai) sesuatu dokumen sama ada dokumen bercetak mahupun bahan elektronik.

Kajian secara bersampelan bertujuan (*purposive sampling*) mampu membantu pengkaji untuk mendapatkan data yang banyak bagi mendedahkan fenomena yang dikaji selari (Othman Lebar, 2006) dengan kajian yang dirungkai secara deskriptif ini. Skop kajian yang dijalankan ini juga hanya melibatkan dokumen yang dipilih bagi tujuan mendapatkan maklumat, data dan bukti yang dapat merungkai persoalan dan objektif kajian. Instrumen yang digunakan untuk menganalisis data dalam penelitian rintis ini melibatkan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 1 hingga Tahun 6 dan Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3. Justifikasi pemilihan dokumen ini adalah untuk melihat dengan lebih jelas dari segi sistem imbuhan yang digunakan dalam mata pelajaran tersebut sebagaimana pendapat Kamarul Azmi (2012) yang mengatakan penganalisis dokumen mampu memberi maklumat yang releven terhadap isu yang dikaji serta sumber yang paling mudah diperoleh, maklumat tersedia dan sukar dimanipulasi oleh pengkaji. Penelitian dokumen tersebut juga mampu membantu pengkaji untuk merungkai sistem imbuhan yang berpadanan dengan Bahasa Semai sebagai cabang bahasa Astroasia yang mempunyai sistem bahasa dan imbuhan yang berlainan dengan cabang bahasa Austronesia yang merujuk kepada sistem bahasa dalam buku teks Bahasa Melayu. Dokumen-dokumen yang dipilih dianalisis pengkaji dengan menyenaraikan semua imbuhan yang digunakan dan mengkategorikan imbuhan mengikut jenis atau padanan yang sesuai.

Penganalisisan data merupakan proses penting selepas pengkaji mendapatkan data daripada sesuatu sumber kajian. Menurut Rohana Yusof (2003), kaedah analisis kandungan memerlukan pengkaji mengali dan memetik data atau maklumat yang diperlukan sama ada bahan yang terdapat dalam arkib seperti sumber berbentuk dokumen sebelum dianalisis mengikut ketetapan dalam sesuatu kajian. Lantaran itu, dapatan data yang diperoleh dikategorikan mengikut saranan Ritchie dan Spencer (1994) yang menjelaskan bahawa selepas proses membaca bahan kajian, pengkaji perlu memetik data mengikut kategori yang perlu dipadankan dengan objektif kajian. Oleh itu, berdasarkan konteks kajian, data yang diperoleh oleh pengkaji daripada Buku Teks Bahasa Semai dikategorikan mengikut objektif kajian terlebih dahulu. Kemudian, pengkaji menyenaraikan imbuhan-imbuhan yang terdapat dalam dokumen-dokumen yang dianalisis bagi menjawab objektif kajian satu dan mengkategorikan jenis imbuhan-imbuhan tersebut. Proses mengkategorikan turut dibincangkan dalam kajian ini dengan merujuk teori yang mendasari kajian iaitu Teori Morfologi Leksikal bagi melihat padanan jenis sistem imbuhan yang digunakan dan kesesuaiannya dengan ciri-ciri Bahasa Semai sebagai cabang bahasa Austrosia.

3.1 Kerangka Teori

Teori Morfologi Leksikal merupakan gabungan antara Teori Morfologi dan juga Leksikal iaitu satu teori linguistik yang membincangkan pembentukan kata dan struktur leksikal yang terkait dengan kosa kata dalam sesuatu bahasa. Menurut Zaharani dan Nor Hashimah (2010), morfologi leksikal merupakan satu proses yang melibatkan rumus pembentukan kata. Setiap kata dalam sesuatu bahasa memiliki struktur dalaman atau morfologis yang disebut sebagai morfem iaitu unit-unit terkecil dalam sesuatu perkataan. Terdapat dua jenis morfem yang dibahaskan dalam Teori Morfologi Leksikal iaitu morfem dasar (root) dan morfem imbuhan (affixes). Morfem dasar merujuk kepada unit-unit terkecil dalam sesuatu perkataan namun, memiliki makna yang luas manakala morfem imbuhan merujuk kepada penambahan terhadap morfem dasar sehingga membentuk makna baharu. Setiap perkataan dalam sesuatu bahasa dianggap sebagai unit-unit leksikal yang tersusun terbentuk daripada morfem-morfem yang membentuk hierarki. Proses membentuk kata baru dalam sesuatu bahasa sama ada melalui proses afiksasi, reduplikasi atau komposisi dapat dijelas melalui Teori Morfologi Leksikal.

Oleh itu, leksikal atau pembentukan kata memerlukan unit linguistik terkecil yang bermakna dikenali sebagai morfem bagi membolehkan bidang morfologinya iaitu ilmu bahasa yang dapat dikaji dari aspek struktur, bentuk dan penggolongan kata. Menurut Zaharani (2000), susunan bentuk bunyi ujaran atau lambang yakni tulisan juga dikenali sebagai struktur kata menjadi bahasa bermakna manakala bentuk kata merupakan unit tatabahasa yang mengalami proses pengimbuhan, penggandaan dan pemajmukan. Pendapat lain seperti Ramlan (1983) pula mengatakan morfologi merupakan ilmu bahasa berkaitan selok-belok kata serta fungsi perubahan bentuk kata asal sama ada perubahan fungsi gramatis atau semantik. Dalam erti lain, bidang morfologi mementingkan hubungan antara morfem-morfem dan varian morfem. Senada dengan pendapat Khazmimi (2022) yang mengatakan bidang morfologi dan leksikal dapat merungkai ilmu berkaitan pembentukan kata perkataan atau perbendaharaan kata dalam sesuatu bahasa dengan lebih mendalam dan berfokus.

Pemilihan Teori Morfologi Leksikal mendasari penelitian rintis ini kerana mengambil kira fungsi dan dasar Teori Morfologi Leksikal dalam membahas dan membincangkan struktur dan proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa. Lantaran itu, teori yang digunakan ini sesuai untuk merungkai ilmu berkaitan Bahasa Semai merupakan salah satu bidang bahasa yang mula menunjukkan perkembangan bahasa lebih-lebih lagi, ia mula diajar di sekolah rendah dan menengah. Perbincangan mendalam mengenai perkara ini perlu dilakukan secara serius bagi membantu pihak berwajib terutamanya dan pengkaji bahasa khasnya memahami, mendalami dan mempraktikan ilmu yang betul berkaitan sistem imbuhan Bahasa Semai agar sistem perbendaharaan kata yang diperkenalkan menepati sistem pembentukan kata sebagaimana yang ditekankan oleh Zaharani dan Nor Hashimah (2010). Oleh itu, proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa yang memerlukan penyusunan morfem mengikut peraturan sistem morfologi terutama perkataan melibatkan pengimbuhan sebagaimana kajian ini yang membincangkan tentang sistem pengimbuhan yang digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Semai di sekolah rendah dan menengah. Hasil daripada pemilihan kerangka teori ini juga akan membantu dari segi proses pembentukan sistem imbuhan yang sesuai dengan cara menyeleraskan sistem imbuhan yang digunakan berbanding dengan sistem sedia ada. Malah, melalui teori ini juga imbuhan-imbuhan yang dikategorikan sebagai imbuhan rintis akan dikelaskan mengikut jenis-jenis imbuhan yang sesuai dengan bentuk imbuhan berdasarkan kerangka teori. Dalam erti lain, melalui kerangka teori ini, sistem imbuhan dalam mata pelajaran Bahasa Semai lebih tersusun dan dikelaskan mengikut susur galur yang lebih mudah difahami untuk proses pengajaran dan pembelajaran. Maka, dapatlah dikatakan bahawa kajian berbentuk penelitian rintis ini dilaksanakan bagi memastikan sistem imbuhan iaitu proses menambah unit-unit bahasa pada bentuk akar yang membawa kepada perubahan nahunya perlulah tepat dengan mencakup bentuk pengimbuhan yang sesuai dengan Bahasa Semai sebagai cabang bahasa rumpun Austroasia.

4. Dapatan Kajian

Kajian yang dilakukan ini bertujuan untuk mengenal pasti imbuhan-imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai di sekolah rendah dan sekolah menengah. Jenis imbuhan yang digunakan dalam setiap pengimbuhan turut dipaparkan dalam dapatan kajian ini bagi melihat keselarasan imbuhan antara sekolah rendah dan sekolah menengah. Dalam pada itu, setiap imbuhan yang telah dikenal pasti, juga diberi makna kata dalam Bahasa Melayu bagi memudahkan proses perbincangan dan pemahaman dapatan kajian yang telah dilakukan. Berikut ialah analisis dapatan data bagi menjawab persoalan kajian i:

4.1 Analisis Imbuhan Bahasa Semai

Imbuhan Bahasa Semai yang dianalisis melibatkan kandungan yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Semai Tahun 1 hingga Tingkatan 3 sahaja bagi menampakkan kesinambungan kata imbuhan yang diajar kepada murid sekolah rendah dan menengah. Sistem imbuhan asal yang terdapat dalam bahasa Semai kebanyakkannya melibatkan imbuhan awalan, antaranya imbuhan be-, ne-, me- dan sebagainya seperti perkataan *terlas* bermaksud lepas yang diberi imbuhan awalan ki- menjadi *kiterlas* . Selain itu, terdapat beberapa perkataan tertentu yang seolah-olah menerima imbuhan sisipan seperti perkataan *jagak* yang menerima imbuhan -en- menjadi *jenagak* yang bermaksud dijaga. Namun begitu, sistem imbuhan yang

digunakan dalam mata pelajaran Bahasa Semai tidak dikategorikan mengikut sistem imbuhan awalan, akhiran, sisipan atau apitan akan tetapi mengkategorikan semua imbuhan sebagai imbuhan asal. Maka, dapatlah dikatakan sistem imbuhan tidak diajar secara tertib dan teratur terutama dalam buku teks sekolah rendah sehingga menyebabkan kefahaman murid terbatas. Kelompangan yang berlaku ini menyebabkan kesukaran kepada murid apabila memasuki peringkat sekolah menengah yang mula mempelajari sistem imbuhan. Pengetahuan awal atau pengetahuan sedia ada murid terbatas ekoran daripada kelompangan sistem imbuhan ketika mereka belajar mata pelajaran Bahasa Semai ketika di sekolah rendah. Berdasarkan dapatan data yang telah dianalisis sebagaimana jadual 2, 3, 4, 5, 6, 7, 8, 9 dan 10 memaparkan dengan jelas kata dasar dalam Bahasa Semai, sistem imbuhan asal Bahasa Semai dan sistem imbuhan yang dirintis. Dalam jadual tersebut juga kata dasar Bahasa Melayu dan maksud imbuhan dalam Bahasa Melayu juga dipaparkan dalam jadual bagi memudahkan pemahaman pembaca dapatan kajian ini dengan merujuk terus muka surat setiap imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai. Jadual 2, 3, 4, 5 dan 7 menunjukkan hanya sistem imbuhan asal Bahasa Semai yang diperkenalkan dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah. Sistem imbuhan rintis digunakan berbanding dengan Jadual 6 yang menunjukkan dua imbuhan rintis iaitu *peneudare* dan *penamer*. Manakala Jadual 8, 9 dan 10 menunjukkan sistem imbuhan asal Bahasa Semai dan sistem imbuhan rintis digunakan secara meluas dan menyeluruh. Perbincangan berkaitan dapatan data sistem imbuhan yang terdapat dalam Buku Teks Bahasa Semai akan dibincangkan secara bersepadu dalam sub topik seterusnya.

Jadual 2: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 1

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Yang Dirintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	seryap	siap	serengyap	-	persiapan	iv
2	garis	garis	genares	-	garisan	4
3	bacak	baca	kibacak	-	membaca	12
4	cak	makan	kicak	-	memakan	12
5	suj	cuci	kisuj	-	mencuci	12
6	man	main	kiman	-	bermain	12
7	tajag	pegang	kitajag	-	memegang	12
8	nyanyik	nyanyi	kinyanyik	-	menyanyi	10
9	jagak	jaga	jenagak	-	penjagaan	14
10	uros	urus	neuros	-	pengurusan	16
11	berseh	bersih	berengseh	-	kebersihan	18
12	hibor	hibur	nehibor	-	nehibor	55

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 1

Jadual 3: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 2

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Yang Dirintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	berseh	bersih	berengseh	-	kebersihan	3

2	jagak	jaga	jenagak	-	penjagaan	5
3	muh	nama	bikermuh	-	dinamakan	7
4	lawan	lawan	nelawan	-	berlawan	8
5	seryap	siap	serengyap	-	persiapan	9
6	ceti	makna	beceti	-	bermakna	9
7	urok	kata	kiurok	-	berkata	11
8	tahut	tahun	nutahut	-	setahun	13
9	kerjak	kerja	kerenjak	-	pekerjaan	16
10	amal	amal	neamal	-	amalan	18
11	jendak	bazir	pejendak	-	pembaziran	20
12	merip	berapa	memerip	-	beberapa	21

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 2

Jadual 4: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 3

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	merip	berapa	memerip	-	beberapa	2
2	bantu	bantu	benantu	-	bantuan	8
3	ceti	makna	beceti	-	bermakna	12
4	jadik	jadi	kijadik	-	menjadi	13
5	tarek	pohon	nutarek	-	sepohon	17
6	pengham	faham	penengham	-	pemahaman	23
7	kebek	buah	nukebek	-	sebuah	25
8	batag	batang	nubatag	-	sebatang	25
9	hubug	hubung	nehubug	-	hubungan	28
10	karang	karang	kenarag	-	karangan	29
11	meskar	basikal	bemeskar	-	berbasikal	31
12	terlas	lepas	kiterlas	-	melepaskan	44
13	ikor	ekor	nuikor	-	seekor	44
14	kerdik	diam	bikerdik	-	diamkan	45
15	urok	kata	kiurok	-	berkata	45
16	muh	nama	bikermuh	-	dinamakan	50
17	runyik	sunyi	nerunyik	-	kesunyian	53
18	wares	waris	newares	-	warisan	64
19	reyag	rindu	berengyag	-	merindui	67

20	cap	tangkap	ceknap	-	menangkap	70
21	cemar	cemar	cenenmar	-	pencemaran	76
22	berkus	bangun	biberkus	-	dibangunkan	77
23	kep	dapat	berkep	-	mendapat	79
24	bayar	bayar	benayar	-	bayaran	93
25	ator	susun	nehator	-	susunan	93
26	jaga	jaga	bijagak	-	dijaga	100
27	penglai	ubat	biperlai	-	diubati	105
28	tenem	hari	nutenem	-	seharian	105

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 3

Jadual 5: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 4

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	batag	batang	nubatang	-	sebatang	4
2	tapar	tapak	nutapar	-	setapak	4
3	helei	helai	nuhelei	-	sehelai	4
4	jendak	bazir	pejendak	-	membazir	5
5	merip	berapa	memerip	-	beberapa	11
6	tamah	tambah	tenamah	-	tambahan	14
7	pasok	sukan	penasok	-	pasukan	21
8	muman	main	mennan	-	permainan	23
9	sual	soal	senual	-	soalan	24
10	peringak	keluarga	nuperingak	-	sekeluarga	26
11	janyik	janji	bejanyik	-	berjanji	43
12	renis	muka	berenis	-	bermuka	48
13	jap	tangis	jennam	-	tangisan	64
14	indah	indah	neindah	-	keindahan	72
15	lempog	merdu	belempog	-	kemerduan	73
16	jerahmuh	tembung	kijerahmuh	-	bertembung	76
17	jeg	pindah	biperjeg	-	dipindah	79
18	beket	panas	berengket	-	pemanasan	92
19	tebot	angkut	tenenbot	-	pengangkutan	92
20	kus	bangun	berengkus	-	pembangunan	96
21	bungkus	bungkus	benungkus	-	pembungkusan	107

22	amal	amal	neamal	-	amalan	112

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 4

Jadual 6: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 5

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	maju	maju	menajuk	-	kemajuan	iii
2	bentok	bentuk	benentok	-	pembentukan	2
3	gek	kurang	kipergek	-	mengurangkan	4
4	merip	berapa	memerip	-	beberapa	4
5	pujet	kecut	penujet	-	pengecutan	4
6	subai	sayur	senubai	-	sayuran	10
7	jelwal	jual	jengwal	-	jualan	11
8	cadag	cadang	cenadag	-	cadangan	16
9	ternyul	tunjuk	terennyul	-	menunjukkan	27
10	kerlag	halang	kerenglag	-	penghalang	30
11	neng	lihat	biperneng	-	dilihat	37
12	panei	tahu	penanei	-	pengetahuan	40
13	samut	sambut	senamut	-	sambutan	42
14	piyap	pinjam	kipiyap	-	meminjam	45
15	sempur	usap	kisempur	-	mengusap	65
16	berseh	bersih	iberengseh	-	bersihnya	68
17	lehem	nafas	belehem	-	bernafas	72
18	kep	dapat	biberkep	-	didapati	72
19	susut	susun	senusut	-	susunan	72
20	berngoi	bau	kiberngoi	-	berbau	78
21	pinoi	udara	nepinoi	peneudare	pengudaraan	78
22	neng	pamer	perneng	penamer	pameran	81
23	tujuk	tuju	betenuju	-	bertujuan	91

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 5

Jadual 7: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tahun 6

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	muh	nama	kermuh		namakan	7

2	gemar	suka	genenmar		kesukaan	10
3	umum	umum	neumum		pengumuman	12
4	ajar	ajar	kibeajar		mengajar	14
5	tutop	tutup	tenutop		penutup	16
6	serkup	litup	serengkup		pelitup	21
7	hidmat	khidmat	nehidmat		perkhidmatan	30
8	gecek	bulan	nugecek		sebulan	34
9	kep	dapat	berengkep		pendapatan	36
10	cuwai	tumbuh	kicuwai		tumbuh	47
11	sip	lupa	persip		lupakan	50
12	bisa	bisa	menisak		berbisa	53
13	jamuk	jamu	jenamu		menjamu	64
14	kerjet	kejut	kikerekjet		terkejut	66
15	kerakmek	gembira	kikerakmik		bergembira	84
16	amal	amal	neamal		amalan	90
17	sareh	songsang	senareh		songsang	94
18	muh	nama	bikermuh		dinama	64
19	kawat	kawan	nukawat		sekawan	64
20	lantek	lantik	nelantik		pelantikan	64
21	cereg	panggil	kicereg		memanggil	66
22	culai	ronta	kiculai		meronta	66
23	sengoh	takut	senengoh		ketakutan	91
24	nam	didih	bipernam		dididihkan	105
25	jendak	bazir	jenendak		pembaziran	112
26	her	hancur	biperher		dihacurkan	113
27	suj	basuh	bisuj		dibasuh	113
	taj	anyam	tektaj		menganyam	130
28	ui	buat	biui		dibuat	128

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tahun 6

Jadual 8: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	sediak	sedia	senediak	penesedie	persediaan	1
2	seryap	siap	serengyap	penesiap	persiapan	1
3	alat	alat	nealat	-	alatan	1

4	gusok	gosok	kigusok	-	mengosok	1
5	tingkat	tingkat	tingkatan	teningkat	tingkatan	2
6	lantek	lantik	nelantek	penelantek	pelantikan	2
7	ator	atur	neator	peneatur	peraturan	2
8	lakon	lakon	nelakon	lenakon	lakonan	2
9	capei	capai	cenapei	penecapei	pencapaian	14
10	hidmat	khidmat	nehidmat	penehidmat	perkhidmatan	14
11	iktirap	ikhtiraf	neiktirap	peneiktirap	pengiktirafan	14
12	harap	harap	neharap	henarap	harapan	14
13	kelah	kelah	kenelah	penekelah	perkelahan	19
14	selamat	selamat	senelamat	peneselamat	keselamatan	19
15	suweg	kunjung/lawat	senuweg	lenawat	berkunjung/lawatan	21
16	hubug	hubung	nuhubug	senehubug	sehubungan	21
17	mentok	bentuk	benentok	pementok	pembentukan	24
18	samak	sama	senamak	penesamak	persamaan	24
19	bize	beza	benize	penebize	perbezaan	24
20	kenjih	usul	ju kenjih	senusul	susulan	26
21	lalu	lalu	nelalu	lenaluk	laluan	26
22	waris	waris	newares	wenares	warisan	38
23	rayak	raya	nerayak	penerayak	perayaan	38
24	bincang	bincang	benincang	penebincang	perbincangan	42
25	pasok/gu	pasukan	nepasok/bergu	penasok	pasukan	43
26	yaken	yakin	neyaken	yenaken	keyakinan	47
27	sembah	sembah	senembah	penesembah	persembahan	53
28	rajal	belajar	berajal	penekaji	pembelajaran	74
29	liput	liputan	neliput	leniput	liputan	80
30	hod	perlu	hodloh	penerlu	keperluan	82
31	cemar	cemar	cenenmar	penecemar	pencemaran	83
32	peh	kembang	pehneh	penekembang	perkembangan	97
33	her	cair	kiher	kipecaer	mencairkan	103
34	engrok	seru	engrok	seneru	seruan	104
35	had	mampu	had	menampuk	kemampuan	105
36	kus	bangun	berengkus	penebangun	pembangunan	105
37	belah	bedah	benglah	penebedah	pembedahan	108
38	perlai	rawat	perlai	renawat	rawatan	116

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1

Jadual 9: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 2

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	besat	nasihat	kibesat	kinasehat	menasihati	2
2	lei	sampai	kiperlei	nesampei	menyampaikan	2
3	neng	pamer	biperneng	bipamer	dipamer	27
4	penteng	penting	penenteng	peneteng	kepentingan	31
5	cerlah	pecah	cerenglah	nepecah	pecahan	41
6	bize	beza	benize	penebize	perbezaan	49
7	wares	waris	newares	wenares	warisan	52
8	cerot	sambung	kicerot	senambung	menyambung	71
9	cet	masak	berencet	nemasak	masakan	95
10	gek	kurang	pergek	pekurang	mengurangkan	103
11	tukar	tukar	tenukar	penetukar	pertukaran	104
12	ernor	perintah	ernor	peneperintah	pemerintah	104
13	senang	mudah	senenang	menudah	kemudahan	122
14	cig	jahit	ceknig	jenahit	menjahit	122
15	semaj	mohon	mai semaj	penemohon	permohonan	122
16	hajap	susah	had hajap	isenusah	kesusahan	125
17	cetak	cetak	cenetak	penecetak	pencetakan	129
18	had	mampu	had	kenemampu	kemampuan	148
19	arap	barang	nearap	nebarang	barangan	158
20	didek	didik	denidek	penedidik	pendidikan	176
21	jelwal	dagang	bejelwal	penedagang	perdagangan	176

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 2

Jadual 10: Analisis Sistem Imbuhan Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 3

Bil.	Kata Dasar Bahasa Semai	Kata Dasar Bahasa Melayu	Sistem Imbuhan Asal Bahasa Semai	Sistem Imbuhan Rintis	Maksud Imbuhan Dalam Bahasa Melayu	Muka Surat
			Imbuhan Asal	(Pene-..)		
1	gunak	guna	genunak	penegunak	penggunaan	5
2	nyam	remaja/muda	nyenyam	remaje	muda	5
3	gah	umum	gah	peneumom	pengumuman	11
4	kumpul	himpun	kenumpol	penehimpon	perhimpunan	11

5	hajap	sukar	nehajap	senukar	kesukaran	12
6	kukoh	kukuh	kenukoh	penekukuh	pengukuhan	12
7	hoj	puas	de hoj	penuas	kepuasan	12
8	berajal	belajar	benarajal	peneberajal	pembelajaran	12
9	ceknot	tulis	neceknot	penetules	penulisan	12
10	petie/tinyau	perhati	nepetie/teniyau	penerhati	pemerhatian	12
11	paham	faham	penengham	peneham	pemahaman	12
12	risau	bimbang	nerisau	kenebimbang	kebimbangan	12
13	sog	sumbat	seksog	tesumbat	tersumbat	15
14	pintan	jelas	nepintan	jenelas	penjelasan	20
15	suweg	lawat	senuweg	lenawat	lawatan	28
16	padu	padu	nepadu	penepadu	perpaduan	38
17	ator	atur	neator	peneator	peraturan	47
18	beh	tubuh	bahneh	penetuboh	pertubuhan	49
19	bor	selengara	terbor	peneselenggare	penyelengaraan	50
20	tandig	tanding	tenandig	penetandig	pertandingan	67
21	lumbong	lombong	nelumbong	penelumbong	perlombongan	74
22	neng	pamer	pereneng	penepamer	pameran	78
23	tengrol	salur	tenengrol	kisalor	saluran	92
24	belah	belah	benelah	penebelah	pembelahan	92
25	kerjak	jawatan	kerenjak	jenawat	jawatan	105
26	jap	tangis	jeknap	reniteh	tangisan	124

Sumber : Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 3

4.2 Analisis Jenis-Jenis Sistem Imbuhan

Dapatan analisis seterusnya akan membincangkan secara ringkas jenis-jenis imbuhan yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ii. Berdasarkan setiap imbuhan yang telah dikenal pasti, didapati terdapat beberapa jenis imbuhan yang digunakan dalam buku teks sama ada buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Dapatan data juga mendapati jenis imbuhan asal diguna pakai dalam Buku Teks Bahasa Semai di sekolah rendah dan hanya memperkenalkan dua imbuhan rintis dalam Buku Teks Bahasa Semai Tahun 5 iaitu perkataan *pinoi* (udara) yang diberi padanan *peneudare* dalam imbuhan rintis yang bermaksud pengudaraan manakala *neng* (pamer) dipadankan dengan imbuhan rintis *penamer* yang bermaksud pameran. Kedua-dua perkataan ini boleh dirujuk dengan jelas dalam buku teks berkenaan pada muka surat 78 dan 81. Dalam erti lain, sistem imbuhan rintis dalam Bahasa Semai hanya diperkenalkan kepada murid semasa mereka belajar di Tahun 5. Keadaan ini menunjukkan dua perkataan yang dinyatakan tadi tidak mempunyai kesinambungan sama ada diajar dari tahun sebelumnya atau selepas Tahun 5. Pemahaman murid juga menjadi tidak tekal dengan cara memperkenalkan sistem imbuhan rintis ini kerana mereka tidak didedahkan dengan tatacara atau tatakelola yang betul dalam usaha memartabatkan sistem imbuhan rintis.

Walau bagaimanapun, sistem imbuhan rintis digunakan secara meluas dalam Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1, 2 dan 3. Selain daripada sistem imbuhan asal bahasa tersebut, imbuhan rintis mula diperkenalkan secara Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1 berbanding dengan peringkat sekolah rendah yang hanya diperkenalkan dalam Buku Teks Bahasa Semai Tahun 5. Penggunaan imbuhan rintis ini tidak menunjukkan kesinambungan kerana murid hanya diperkenalkan dengan dua imbuhan rintis ketika di sekolah rendah manakala digunakan secara menyeluruh apabila mereka belajar di Tingkatan 1. Walaupun ia satu perkembangan yang baik dalam usaha mengetengahkan sistem imbuhan rintis namun, tidak berlaku kesinambungan menyebabkan murid sukar memahami struktur imbuhan rintis yang digunakan berbanding dengan imbuhan asal dalam Bahasa Semai. Dalam erti lain, terdapat 2 jenis imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai iaitu imbuhan asal dan imbuhan rintis. Dapatan kajian berkaitan jenis imbuhan ini akan dibincangkan secara terperinci, teratur dan berstruktur dalam sub topik seterusnya bagi menjelaskan sistem imbuhan yang diguna pakai dalam Buku Teks Bahasa Semai.

5. Perbincangan dan Kesimpulan

Berdasarkan penelitian rintis, sistem imbuhan yang digunakan dalam Buku Teks Bahasa Semai antara sekolah rendah dan sekolah menengah tidak menunjukkan kesinambungan terutama dari aspek perkataan imbuhan rintis berbanding imbuhan asas yang digunakan secara meluas dalam Buku Teks Bahasa Semai sekolah rendah. Situasi ini menggambarkan bahawa sistem imbuhan yang diperkenalkan bukan sahaja tidak konsisten malah tidak diajar secara teratur dan tertib kerana hanya diperkenalkan dua imbuhan rintis dalam Buku Teks Bahasa Semai Tahun 5 namun tidak diperkenalkan dalam buku teks tahun 1, 2, 3, 4 dan 6. Namun begitu, imbuhan rintis mula digunakan secara meluas dalam Buku Teks Bahasa Semai Tingkatan 1, 2 dan 3. Kewajaran memperkenalkan imbuhan rintis semasa di sekolah rendah lagi adalah untuk membolehkan kefahaman asas murid dalam usaha memahami bentuk imbuhan rintis yang digunakan dalam Bahasa Semai. Jika imbuhan rintis juga diperkenalkan secara meluas semasa di sekolah rendah, sudah pasti pemahaman dan penguasaan murid ketika memasuki sekolah menengah dapat teradun dengan baik. Sebagaimana pendapat Menurut Marriane Tang et al. (2021) penguasaan murid bukan sahaja bergantung kepada kemahiran yang dipelajarinya malah psikologi, persekitaran fizikal, andaian dan pengalaman peribadi turut memberi kesan terhadap pembentukan pemahaman mereka. Justeru, betapa pentingnya sistem imbuhan yang diajar dalam Bahasa Semai disemak semula supaya ilmu berkaitan imbuhan Bahasa Semai yang mereka pelajari dari tahun-tahun sebelumnya menjadi pengetahuan sedia ada atau pengalaman peribadi yang bermakna untuk mereka belajar dan menerima ilmu baharu berkaitan imbuhan yang terdapat dalam Bahasa Semai. Oleh itu, ketidakselarasan sistem imbuhan antara sekolah rendah dan menengah memerlukan tindakan susulan daripada pihak bertanggungjawab terutama pakar bidang morfologi dan leksikal termasuk BPK yang merangka kurikulum Bahasa Semai untuk menentukan kaedah pembentukan istilah dalam Bahasa Semai. Usaha ini bagi membolehkan proses pemantapan imbuhan dalam Bahasa Semai serta pemadanan dan perekaciptaan yang sesuai dengan ciri-ciri rumpun bahasa Austroasia.

Walaupun Bahasa Semai bukan dari rumpun yang sama dengan Bahasa Melayu iaitu daripada rumpun bahasa Austroasia, namun proses pembentukan istilah Bahasa Semai perlu merujuk proses pembentukan istilah yang dilakukan pakar bahasa dalam Bahasa Melayu. Proses ini juga memerlukan pihak bertanggungjawab untuk menganalisis, mengenal pasti dan memadankan kesamaan imbuhan bahasa yang serumpun dengan etnik Semai iaitu etnik Senoi yang terdiri daripada kaum Che Wong, Mah Meri, Jahut, Semai Beri, Semai dan Temiar. Tujuannya adalah untuk mendapatkan lebih banyak maklumat lanjut berkaitan imbuhan terutama melibatkan imbuhan asas Bahasa Semai. Hal ini mampu memantapkan lagi proses pengimbuhan pada masa akan datang seperti yang telah dijelaskan dalam kajian Ng Chwee (2020) iaitu terdapatnya kekeliruan terhadap tulisan, sebutan dan makna yang menyebabkan murid semakin lemah menguasai sesuatu bahasa kerana ketiga-tiga faktor tersebut mempunyai hubungan yang signifikan dan saling bergantungan antara satu sama lain dalam pembelajaran sesuatu bahasa.

Teori Morfologi Leksikal perlu dijadikan landasan utama dalam usaha memantap, memadan dan merekacipta imbuhan Bahasa Semai kerana fungsi dan peranan teori tersebut yang menekankan aspek struktur dan proses pembentukan kata dalam sesuatu bahasa. Teori Morfologi Leksikal juga amat

sinonim dengan pembentukan kata dan struktur leksikal yang terkait dengan kosa kata dalam sesuatu bahasa dengan melibatkan rumus pembentukan kata dan percaya setiap kata memiliki struktur dalaman yang disebut sebagai morfem iaitu unit-unit terkecil dalam sesuatu perkataan. Morfem dasar (*root*) dan morfem imbuhan (*affixes*) merupakan dua jenis morfem yang ditekankan dalam teori ini. Justeru, sistem imbuhan Bahasa Semai juga perlu menekankan dua aspek morfem ini bagi membentuk, memadan dan merekacipta pengimbuhan yang sesuai dengan rumpun bahasanya. Morfem dasar merujuk kepada unit-unit terkecil yang mempunyai makna yang luas manakala morfem imbuhan merujuk kepada penambahan terhadap morfem dasar bagi membentuk makna baharu. Sebagaimana pendapat Lau Su Kia et al. (2022) yang menyatakan kewujudan makna bercirikan tempatan boleh diwujudkan dengan melakukan penyingkatan, penambahan makna atau penterjemahan yang merupakan faktor linguistik yang berperanan dalam proses penciptaan perkataan atau istilah. Lantaran itu, proses pengimbuhan dalam Bahasa Semai perlulah melalui proses yang sama sebagaimana proses imbuhan yang dibuat dalam Bahasa Melayu namun, ia perlulah menepati cabang rumpun bahasanya iaitu cabang bahasa Austroasia.

Justeru, dengan adanya penelitian rintis ini, pengkaji berharap lebih ramai pakar bahasa terutama pakar dalam bidang morfologi dan leksikal melakukan kajian lebih mendalam untuk mendapatkan data yang lebih menyeluruh berkaitan sistem pengimbuhan Bahasa Semai. Penelitian rintis ini juga sebahagian daripada usaha pertama untuk mewujudkan sumber rujukan tatabahasa Bahasa Semai agar dapat menjadi pedoman terutama kepada guru, murid, pemegang taruh dan masyarakat. Sumber rujukan yang dibina kelak mampu menjadi penanda aras kepada BPK amnya dalam usaha memartabatkan Bahasa Semai. Sistem imbuhan Bahasa Semai di sekolah rendah dan sekolah menengah memerlukan pembaharuan dengan mengambil kira sudut pandangan semua pihak termasuklah menyemak semula pola sistem imbuhan Bahasa Semai sama ada diperoleh melalui ayat yang diujar, sebutan dan budaya oleh masyarakat etnik Semai itu sendiri.

Rujukan

Abdul Hamid Moiden & Jessica Ong Hai Liaw. (2020). Penelitian Konsep Kesalahan Bahasa dari Perspektif Sarjana Barat. *Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan, 5* (2020):724-730.

Bowen, G. A. (2009). Document Analysis as a Qualitative Research Method. *Qualitative Research Journal*, 9: 27-40.

Bryman, A. (2008). *Social research methods*. 3rd Edition. Oxford University Press., New York.

Corder, S.P. 1981. *Error analysis and interlanguage*. London: Oxford University Press.

Creswell, J. W. (2009). *Research Design: Qualitative, quantitative, and mixed methods Approaches*. 3rd Edition. Thousand Oaks, California: Sage Publications, Inc.

Hanifah Mahat, Zainudin Othman, Yazid Saleh, Mohmadisa Hashim, Adnan Jusoh, Norazlan Yaacob. (2016). Keberkesanan Kurikulum Pendidikan Sains Sosial di Malaysia: Kajian Perspektif Guru Siswazah dan Pengetua Sekolah di UPSI. *GEOGRAFIA Online™Malaysian Journal of Society and Space 12, 1* :37-48.

Halia Abdul Rahman. (2018). World View Masyarakat Orang Asli dan Pelestarian Alam Sekitar. *Prosiding Seminar Antarabangsa Arkeologi Sejarah, Bahasa dan Budaya di Alam Melayu (ASBAM)*, Indonesia.

Harishon Radzi, Fazal Mohamed bin Mohamed Sultan, Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2011). Penggolongan Kata Bahasa Mendriq Ngerito: Satu Penelitian Rintis. *Jurnal Linguistik, Jil.12* (Edisi Khas).

Kamarul Azmi Jasmi. (2012). Metodolgi Pengumpulan Data dalam Penyelidikan Kualitatif. *Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1* 2012 di Puteri Resort Melaka pada 28-29 Mac 2012. Anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggong Ibrahim, Johor Bahru.

Khazmimi Fatihah Ibrahim. (2022). Laras Bahasa Agama Satu Kajian Leksikal dan Morfologi. Tesis Sarjana Muda, Universiti Malaysia Sarawak.

Lau Su Kia, Sheena Kaur, Jariah Mohd Jan & Su'ad Awab. (2022). Makna Perkataan Berkaitan dengan Pendidikan yang Berciri Tempatan dalam Akhbar Bahasa Cina di Malaysia. *Jurnal Linguistik, 26 (1)*: 001-015.

Marriane Tang Nguik Hong,Nur Farahkhanna Mohd Rusli, Noor Syamshida Masa & Norfaizah Abdul Jobar. (2021). Analisis Kefahaman Makna Peribahasa dalam Kalangan Murid berdasarkan Teori Relevans. *Jurnal Linguistik, 25 (1)*: 001-020

Mohamad Johdi Salleh & Abdul Raak Ahmad. (2009). Kesedaran Pendidikan dalam Kalangan Masyarakat Orang Asli. Masyarakat Orang Asli: Perspektif Pendidikan dan Sosiobudaya, Bangi:Penerbit UKM.

Mohd Muizzudin Mohd Nor, Mohamad Fuzi Sukimi & Mohd Nasaruddin Mohd Nor. (2018). Kesedaran Pendidikan dan Minat Kerja Pelajar Orang Asli Suku kaum Jakun di Rompin, Pahang. *GEOGRAFIA Online™ Malaysian Journal of Society and Space, 14 (1)* : 72-86

Mohd Khaidir Abdul Wahab. (2022). Pengkelompokan Bahasa Melayu dengan Bahasa Banjar dalam Salasilah Hipotetikal Bahasa: Kajian Perbandingan Leksikostatistik. *Jurnal Melayu, 21 (1).*

Ng Chwee Fang. (2020). Penguasaan Makna, Pembentukandan Penggunaan Kata Adjektif Bahasa Jepun dalam Kalangan Pelajar Cina di Sebuah IPTA Malaysia. *Jurnal Linguistik, 24 (1)*:094-108.

Othman Lebar (2006). *Penyelidikan kualitatif: Pengenalan kepada teori dan metod*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.

Paiz Hassan & Mohd Anuar Ramli. (2020). Isolasi Sosiso-Budaya Masyarakat Orang Asli di Malaysia dan Kesannya terhadap Pentafsiran Hukum Islam. *Journal of Fatwa Management Research,1 (1).*

Peiros Ilia. (1998). *Comparative Lingusitics in Southeast Asia*. Pacific Linguistics Series C-142. Canberra, Australian National University.

Riduan Makhtar, Siti Aisah Zailani & Abd Ganing Laengkang. (2019). Pemilihan Bahasa dalam Masyarakat Semai di kampung Serigala, Hulu Selangor. *E-Prosiding Persidangan Antarabangsa Sains Sosial dan Kemanusiaan 2019*. eISBN;978-967-2122-71-5.

Ritchie, J., & Spencer, L (1994). Qualitative data analysis for applied policy research. In A. Bryman & R. Burgess (Eds.). Analyzing Qualitative Data. London: Routledge.

Rohana Yusof. (2003). *Penyelidikan sains sosial*. Bentong: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

Rohana Hamzah, Zulfadly Othman, Hasnah Hussiin, Zuraina Ali & Nur Qistina Abdullah. (2017). Pembangunan Model Penilaian Kurikulum berteraskan Nilai Universal bagi Program Pendidikan berasaskan Teknologi & Kejuruteraan Satu Kerangka Konseptual. *International Journal of Humanities Technology and Civilization, 2 (2)*: 50-61.

Wong Shia Ho & Yeo Swee King. (2018). Percanggahan Pendapat Aspek Tatabahasa: Perbandingan Antara Bahan Rujukan Bahasa Melayu. *PENDETA Journal of Malay Language, Education and Literature, 9:*16–31.

Zaharani Ahmad & Nor Hashimah Jalaluddin. (2010). Isu Imbuhan /di-i/ Bahasa Melayu: Apitan atau Gabungan. *Jurnal Melayu, 5*: 103-126.

Biodata Penulis

Mohamad Nik Mat Pelet (PhD) ialah Pensyarah Kanan di Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Mutiara Megat (B.A Hons) merupakan Penolong Pengarah di Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia, Wilayah Persekutuan Putrajaya.

Nurul Nadia Samud (M.A) ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Juliana Damsik (M.A) ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.

Norita Harijaman (M.A) ialah Pensyarah di Akademi Pengajian Bahasa Universiti Teknologi MARA (UiTM), Shah Alam, Selangor.